

Institut Pemikiran Dr. Mahathir di UUM

UM 31 JUL 2003
KUALA LUMPUR 30 Julai
— Kabinet bersetuju untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr. Mahathir di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kursi Pengajian Eropah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, perkara tersebut dipersetujui semasa perbincangan pihaknya dengan Kabinet baru-baru ini.

Beliau menambah, kementeriaannya juga telah diberi mandat untuk mengendali dan menguruskan kedua-duanya.

“Kabinet telah bersetuju supaya Kementerian Pendidikan diberikan kebebasan sepenuhnya dalam penubuhan institut dan kajian tersebut,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya di sini, hari ini.

Cadangan penubuhan Institut Pemikiran Dr. Mahathir dan Kursi Pengajian Eropah pernah diperbincangkan pada Perhimpunan Agung UMNO pada bulan lepas.

Pada sidang media hari ini, Musa turut mengumumkan penubuhan Universiti Perancis yang telah dipersejujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Perancis, Jacques Chirac ketika mengadakan lawatan ke sini pada 20 Julai lalu.

Tambahnya, Kementerian Pendidikan akan menghubungi Kedutaan Perancis di Malaysia dalam masa terdekat ini bagi membincangkan perkara tersebut.

“Kita bercadang untuk menceburi bidang-bidang teknikal seperti automobil dan aeroangkasa kerana Pe-

rancis diakui mempunyai kepakaran mengenainya,” katanya lagi.

Selain Universiti Perancis, jelasnya, perbincangan mengenai penubuhan Universiti Malaysia-Jepun kini pada peringkat akhir.

Sementara itu, mengenai usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, pihaknya sedang giat menguruskan pembukaan pejabat promosi di negara China, Indonesia, Vietnam dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Musa memberitahu, kementeriaannya dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengenal pasti para pegawai yang akan ditugaskan di pejabat-pejabat tersebut bagi membolehkan ia beroperasi secepat mungkin.